



SIARAN MEDIA

Rabu, 17 Ogos 2022

MARC MENGESAHKAN PENARAFAN JANGKA PENDEK BDB BAGI TEMPOH LIMA TAHUN

- Kedudukan masih kekal sejak Jun 2017
- Pemilikan tanah bagi tujuan pembangunan, pencairan kewangan yang mencukupi, kadar peningkatan permintaan bidang pembinaan dan aliran keuntungan yang stabil daripada kontrak kerja penyelenggaraan jalan
- Pelaksanaan dan penyampaian bagi kunci pelan pemulihan kepada *Group's sound footing* pada tahun 2022

Malaysian Rating Corporation Berhad ("MARC") telah mengesahkan penarafan MARC-2IS terhadap program Nota Komersial Islamik (ICP) Bina Darulaman Bhd. (BDB) bernilai RM100 juta bagi tempoh lima tahun.

Dalam tinjauan kedudukan terbaru yang dikeluarkan pada Ogos 2022, agensi itu menyatakan penarafan itu diberikan berdasarkan pemilikan tanah BDB yang sedia ada untuk pembangunan hartanah, kecairan yang mencukupi untuk memenuhi operasi jangka pendek dan komitmen kewangan, aliran keuntungan yang stabil daripada kontrak penyelenggaraan jalan dan peningkatan permintaan dalam sektor pembinaan.

Agensi tersebut juga telah menyatakan bahawa status BDB selaku entiti milik kerajaan Kedah, telah memposisikan mereka dalam kedudukan yang baik untuk memperolehi kontrak pembinaan negeri, yang juga merupakan antara faktor utama BDB dipertimbangkan sebagai pilihan utama.

Mohd Iskandar Dzulkarnain Ramli, Pemangku Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BDB, berkata: "Kajian MARC mengesahkan strategi dan pelaksanaan pengurusan BDB dalam mewujudkan model perniagaan yang lancar untuk syarikat dan penjanaan nilai jangka panjang kepada pemegang saham. Pelaksanaan dan penyampaian pelan pemulihan BDB – yang dirangka untuk menangani keadaan operasi yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19 – adalah sebab utama mengapa BDB telah muncul pada kedudukan kewangan dan operasi lebih kukuh pada tahun 2022."

Iskandar menyatakan bahawa kunci kejayaan BDB adalah penstabilan pendapatan, pengoptimuman kos, kecekapan operasi yang telah dilipat-gandakan, pendigitalan dan pembangunan modal insan yang telah mewujudkan daya saing dan dinamisme yang semakin meningkat. Beliau menambah bahawa BDB komited untuk terus mengimbangi semula dan mengoptimumkan operasi perniagaan dalam memastikan kesinambungan dan daya tahan syarikat.

Iskandar turut menyatakan: "Ketahanan, fokus tinggi dan keazaman kami telah menunjukkan kemampuan yang boleh dicapai apabila kami bangkit daripada pandemik ini untuk menjadi perniagaan yang lebih baik. Normalisasi terhadap rantai bekalan dan penyambungan semula perniagaan, kepada operasi seperti sedia kala dapat mengatasi permintaan yang meningkat untuk setiap produk dan perkhidmatan. Perniagaan teras BDB - Pembangunan

Hartanah dan Kejuruteraan, Pembinaan dan Kuari (ECQ) - berada di kedudukan yang baik untuk memaksimumkan peluang perniagaan dalam kondisi perniagaan yang semakin baik ini.

"Divisyen hartanah BDB akan memberi tumpuan untuk membuka potensi nilai pemilikan tanah dengan membangunkan perbandaran sedia ada, dan membina perbandaran perumahan mampu milik yang baru bersama rakan kongsi kami. Pada masa yang sama, ECQ akan terus mengukuhkan aliran pendapatannya yang stabil daripada projek penyelenggaraan jalan negeri yang sedang berlangsung, dan meningkatkan permintaan untuk operasi kuarinya.

"Melihat kepada tahun 2023, BDB menyasarkan untuk mendapatkan kontrak dan peluang perniagaan baharu di luar Kedah untuk meningkatkan profilnya. Matlamat ini akan dicapai dengan komitmen berterusan BDB terhadap analisis yang mantap dan proses membuat keputusan berkaitan dengan pelaburan projek dan penyampaian operasi,"

MENGENAI BINA DARULAMAN BERHAD

Bina Darulaman Berhad (BDB) telah ditubuhkan pada 7 Februari 1995 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia. BDB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan yang bertanggungjawab untuk pembangunan hartanah, pembinaan, kerja-kerja jalan, kuari dan rekreasi melalui anak-anak syarikatnya yang lebih dikenali sebagai BDB Land Sdn. Bhd., Kedah Holding Sdn. Bhd., BDB Synergy Sdn. Bhd., BDB Infra Sdn. Bhd. dan BDB Leisure Sdn. Bhd.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Sajahan Abdul Waheed (Ketua Bahagian Komunikasi Korporat)

019-3090112

Ikhwan Hazwan Hamidun (Pengurus, Bahagian Komunikasi Korporat)

019-5517225

BDB Bahagian Komunikasi Korporat

No. Telefon: 04-7300303

E-mel: gcc.bdb@bdb.com.my